

PRU-13:Nik Aziz dinasihat beriluan kepada muka baharu

Utusan Online

16 APRIL 2013

KOTA BHARU 16 April - Bekas Setiausaha Dewan Ulama PAS Kelantan, Wan Ismail Wan Ahmad menasihatkan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya melepaskan jawatan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) pada 5 Mei ini bagi memberi peluang kepada generasi baru yang lebih kuat dan bertenaga.

Wan Ismail berkata, faktor usia dan kesihatan Nik Abdul Aziz yang tidak menentu sejak kebelakangan ini tidak memungkinkan beliau dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap tanggungjawab sekiranya masih diberi amanah.

"Jadi inilah masa yang paling sesuai untuk Nik Abdul Aziz bersara dan memberi laluan kepada muka baharu. Kelantan tidak tandus dengan calon-calon (Pas) yang lebih berwibawa untuk menggantikan Nik Aziz.

"Kalau orang kata Nik Aziz sukar ditukar ganti itu silap," katanya kepada *Utusan Online* di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130416/px_111/PRU-13-Nik-Aziz-dinasihat-beriluan-kepada-muka-baharu#ixzz2Zz84aToo

© Utusan Melayu (M) Bhd